

17/02/1998

Jual barang kemas kepada Bank Islam

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz mencadangkan supaya wanita yang mahu mencagarkan barang kemas mereka untuk mendapatkan tunai bagi pelaburan supaya mendapatkan nasihat daripada Bank Islam.

Menurutnya, institusi kewangan itu mempunyai kemahiran dan mekanisme menentukan nilai barangan dengan betul.

Beliau juga mencadangkan supaya Bank Islam memikirkan satu skim baru untuk urusan pembelian barangan kemas bagi mereka yang ingin menjual terus kepadanya.

Menurutnya, langkah itu wajar bagi membantu mengelak wanita mengalami kerugian dengan tidak mendapat nilai atau pulangan terbaik selepas menjual kepada sebarang pihak.

"Bank Islam sudah ada skim menggadai barang kemas sekali gus menunjukkan institusi itu sudah ada kemahiran menilai barang kemas dan mekanisme menentukan nilai sewajarnya," katanya.

Beliau berkata ketika diminta mengulas kerelaan rakyat terutama wanita beberapa negara seperti Korea, Thailand dan Indonesia mendermakan barang kemas mereka untuk membantu memulihkan ekonomi dilihat sebagai pengorbanan yang wajar dicontohi.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut meminta wanita negara ini supaya membantu mengatasi masalah modal yang dialami dengan menggunakan barangan kemas mereka tetapi bukan dengan cara menderma kepada kerajaan sebaliknya menjualnya dan menyimpan hasil jualan di dalam bank atau melaburkannya dalam dana tempatan.

Berikutan itu, ada beberapa pihak yang menawarkan diri untuk menjadi sekretariat kepada kewujudan dana emas dan kempen untuk menjual barang kemas turut diperluaskan.

(END)